

# Ahli Umno (baru) hampir satu juta

BH - 3 AUG 1988

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Jumlah ahli Umno (baru) setakat ini, seramai 931,361 orang, membolehkan parti itu menuntut hak ke atas harta yang dimilikinya sebelum ini, kata Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, jumlah itu merangkumi 743,980 ahli yang didaftarkan oleh bahagian manakala selebihnya, seramai 187,381 orang, diperolehi menerusi gerakan khas Pergerakan Pemuda. Hanya sebahagian kecil daripada jumlah itu ahli baru.

Perdana Menteri berkata, jumlah itu jauh lebih besar daripada separuh ahli Umno lama seramai 1.2 juta sebelum Perhimpunan Agung Umno ke-37 pada April 1987.

"Dan dengan jumlah ini, kita berhak menuntut aset yang dimiliki oleh Umno lama kerana keahlian kita melebihi separuh keahlian Umno sebelum ini," katanya ketika berucap gerakan khas menambah keahlian peringkat satu anjuran Pergerakan Pemuda Umno (baru) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Berikutan kejayaan menambah keahlian, yang dicapai dalam masa yang singkat itu, Perdana Menteri mengarahkan Pergerakan Pemuda meneruskan gerakan yang sama un-

## Oleh MOHD NOH SENAN

tuk peringkat kedua dan seterusnya.

Katanya, jumlah ahli yang didaftar itu termasuk mereka yang sebelum ini keberatan menyertai parti yang diisytiharkan tidak sah.

Katanya, bilangan yang ramai itu membuktikan orang Melayu masih sayang kepada parti di samping membuktikan ia masih kuat dan tidak luntur.

Beliau berkata, apa yang menarik ialah satu fenomena baru wujud daripada kejayaan mendaftarkan ramai bilangan mereka yang didaftarkan itu kerana ada yang tidak berminat menjadi ahli parti sebelum ini, kini menyertainya.

Bagaimanapun, katanya bilangan ahli Umno lama bukanlah 1.4 juta orang seperti yang biasa disebutkan sebelum ini.

"Sokongan yang diberi oleh orang Melayu di peringkat akar umbi terhadap Umno (baru) memang kuat. Ia tidak luntur," katanya.

Beliau mengingatkan ahli parti bahawa banyak tugas yang perlu dilaksanakan bagi memastikan orang Melayu tidak tenggelam agar "kita dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan kaum lain di negara ini.